VESUVIUS PLC

19hb November, 2012

Dasar AntiSogokan & Rasuah (ABC)

Rakan Kongsi Perniagaan yang Dihormati

Kami beroperasi dalam sebuah ekonomi global di mana etika perniagaan memainkan peranan yang bertambah kritikal. Justeru, dasar kami ialah untuk kakitangan kami terus mengamalkan piawai etika yang tertinggi dalam kelakuan mereka dan dalam semua hubungan dengan para pelanggan dan para pembekal yang kami hargai.

Zaman di mana pengambilan wang sogokan mungkin boleh diterima sebagai cara menjalankan perniagaan ternyata telah pun berada jauh di belakang kita semua dan keengganan mematuhi undang-undang pencegahan rasuah boleh memberikan akibat yang serius kepada keadaan kewangan, reputasi dan kemajuan operasi kita.

Kami sedar bahawa kami sedang beroperasi dalam prasarana komersil yang mencabar dan di banyak lokasi yang mana rasuah boleh wujud. Walau bagaimanapun, ini tidak boleh dianggap sebagai satu alasan. *Vesuvius* mengambil pendekatan toleransi sifar bagi pengambilan wang sogokan dan rasuah. Kami komited kepada pencegahan, pengesanan dan penyiasatan semua bentuk pengambilan wang sogokan yang bermula dari organisasi kami dan berpunca daripada sebarang urus niaga dengan rakan kongsi perniagaan kami.

Oleh kerana *Vesuvius* merupakan sebuah syarikat yang bertaraf antarabangsa, dasar kami dalam membanteras pengambilan wang sogokan dan rasuah adalah sama seperti mana-mana organisasi di seluruh dunia. Walaupun cara mengendalikan pengambilan wang sogokan dan rasuah berbeza daripada sesuatu bidang kuasa dengan sesuatu bidang kuasa yang lain, kami telah memutuskan untuk berpegang kepada piawaian yang tertinggi. Piawaian ini telah dikemukakan dalam Dasar ABC kami, yang mana sesalinan dasar ini disertakan bersama-sama surat ini.

Sebagai rakan kongsi perniagaan yang dihargai, kami memohon supaya anda membiasakan diri dengannya dan kami berbesar hati untuk menjawab apa jua soalan atau kemusykilan yang anda mungkin ada. Kami komited untuk memastikan perhubungan perniagaan di antara dua syarikat kita menepati keperluan Dasar ABC kami dan kami berharap akan mendapat sokongan anda dalam perkara penting seperti ini.

Yang ikhlas,

Francois WANECQ
CEO Kumpulan Vesuvius